




KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA



# PELAN STRATEGIK

2016-2020






# KANDUNGAN



**02**

Perutusan Yang  
Berhormat Menteri  
Sumber Manusia



**03**

Kata Alu-  
Aluan Ketua  
Setiausaha  
Kementerian  
Sumber Manusia



**04**

Ringkasan  
Eksekutif



**06**

Latar  
Belakang  
KSM



**07**

Visi & Misi



**08**

Carta  
Organisasi



**10**

Nilai  
Bersama



**11**

Punca  
Kuasa



**12**

Peranan  
KSM



**14**

Pihak  
Berkepentingan  
& Pelanggan



**15**

Lakaran  
Kecemerlangan



**24**

Penglibatan  
KSM



**26**

Agenda  
Transformasi  
Nasional



**28**

Analisis  
Persekitaran  
& Isu Strategik



**29**

Pelan  
Strategik

# PERUTUSAN

**YANG BERTHORMAT  
MENTERI SUMBER MANUSIA**



**DATO' SRI RICHARD RIOT ANAK JAEM**

*Kementerian Sumber Manusia memainkan peranan yang sangat penting dalam menentukan hala tuju negara dari aspek perburuhan serta pembangunan modal insan berkemahiran tinggi. Ini adalah selaras dengan visi Kementerian ini sebagai peneraju pembangunan dan pengurusan sumber manusia negara. Dalam hal ini, Pelan Strategik Kementerian Sumber Manusia 2016-2020 dilihat sebagai pelan induk dalam penetapan bidang tugas serta hala tuju Kementerian bagi tempoh 5 tahun akan datang.*

Pelan Strategik ini berbentuk komprehensif, progresif dan responsif meliputi semua bidang tugas Kementerian serta mensasarkan pencapaian bagi memenuhi keperluan dan kehendak pihak berkepentingan serta pelanggan Kementerian. Melalui Pelan Strategik ini juga, Kementerian Sumber Manusia komited dalam menyediakan penyampaian perkhidmatan yang terbaik serta tepat melalui pelaksanaan dasar dan program yang telah dikenal pasti. Usaha berterusan sentiasa dibuat dalam menambah baik prestasi dan mutu kerja serta pencapaian *Key Performance Indicators* (KPI) yang telah ditetapkan dalam Pelan Strategik Kementerian Sumber Manusia 2016-2020.

Saya mengucapkan terima kasih kepada pihak pengurusan Kementerian Sumber Manusia di atas komitmen dan usaha dalam merangka, melaksana dan memastikan sasaran Pelan Strategik Kementerian Sumber Manusia 2016-2020 ini dapat direalisasikan. Harapan saya agar apa yang telah dijanjikan dapat disampaikan kepada rakyat dengan berkesan.

# KATA ALU-ALUAN

## KETUA SETIAUSAHA

*Pelan Strategik Kementerian Sumber Manusia 2016-2020 merupakan dokumen induk yang menggariskan teras strategik, strategi pelaksanaan, program, indikator serta sasaran dasar dan hala tuju Kementerian Sumber Manusia. Pelan Strategik ini telah dirangka agar selari dengan dasar semasa Kerajaan, kehendak dan keperluan pihak berkepentingan dan pelanggan Kementerian serta perubahan landskap ekonomi domestik dan global. Pelan Strategik ini juga dibangunkan berlandaskan peranan Kementerian Sumber Manusia sebagai peneraju pembangunan dan pengurusan manusia negara; satu peranan yang kritikal dalam menentukan masa hadapan negara.*



**DATO' SRI ADENAN BIN AB. RAHMAN**

Dalam menambah baik penyampaian perkhidmatan kepada rakyat, Kementerian Sumber Manusia turut menjalinkan kerjasama strategik dengan Kementerian dan Jabatan lain melalui inisiatif *National Blue Ocean Strategy* (NBOS). Program seperti *1MASTER*, *1Malaysia Support for Housewives*, Karnival Kerjaya dan Kemahiran OKU serta *JobFair @ UTC* merupakan antara beberapa kejayaan Kementerian dalam usaha memperluaskan penyampaian perkhidmatan kepada rakyat dengan kerjasama Kementerian dan Jabatan lain. Kerjasama strategik ini bukan sahaja dapat mengoptimumkan sumber yang terhad, malahan ia juga dapat memperluaskan skop penyampaian perkhidmatan tersebut.

Selain menetapkan hala tuju Kementerian ini bagi tempoh 5 tahun yang akan datang, Pelan Strategik ini turut menggariskan mekanisme penilaian yang boleh dipantau dari semasa ke semasa bagi memastikan keberkesanan penyampaian setiap program. Saya yakin melalui kerjasama erat dan komitmen yang tinggi daripada semua warga Kementerian di setiap peringkat, sasaran Pelan Strategik Kementerian Sumber Manusia (KSM) 2016-2020 dapat direalisasikan dengan jayanya.

# RINGKASAN EKSEKUTIF

---



Kementerian Sumber Manusia merupakan peneraju dalam merangka dan melaksanakan dasar berkaitan pembangunan dan pengurusan sumber manusia negara. Ini termasuk penyelarasan dan pelaksanaan dasar dan standard perburuhan; memastikan perhubungan pekerjaan yang harmoni dan kondusif; menggalakkan budaya kerja yang selamat, sihat dan dinamik; memantapkan jaringan keselamatan sosial; serta membangunkan modal insan berkemahiran tinggi, relevan dan mempunyai daya saing yang tinggi.

Kementerian Sumber Manusia sentiasa peka dengan perubahan landskap ekonomi semasa di peringkat domestik dan antarabangsa terutama dalam aspek perburuhan dan pembangunan latihan kemahiran yang menjadi teras penting kepada pembangunan ekonomi negara. Dalam hubungan ini, pengumpulan data yang berkaitan kajian dan analisis serta perbincangan yang terperinci merupakan proses dalam merangka dasar kepada pembangunan dan pengurusan sumber manusia negara, selain daripada komitmen negara ke atas obligasi di peringkat antarabangsa.

Bagi memastikan Kementerian Sumber Manusia kekal relevan dalam menghadapi keperluan dan permintaan industri, majikan dan pekerja, Pelan Strategik Kementerian Sumber Manusia akan dikemas kini setiap 5 tahun bagi memastikan perancangan program adalah memenuhi keperluan dan dasar semasa berkaitan pembangunan dan pengurusan sumber manusia negara.



Pelan Strategik Kementerian Sumber Manusia 2016-2020 merupakan satu dokumen yang menggariskan perancangan dasar dan hala tuju Kementerian Sumber Manusia bagi tempoh 5 tahun mulai tahun 2016 sehingga tahun 2020. Perancangan 5 tahun ini meliputi setiap peranan Kementerian Sumber Manusia seperti penggubalan dasar dan penguatkuasaan perburuhan, pembangunan kemahiran serta khidmat sokongan yang menjadi tulang belakang kepada Kementerian ini.

Selain itu, Pelan Strategik ini juga dilihat dapat membantu mempertingkatkan daya saing, integriti serta semangat *esprit de corp* dalam kalangan warga Kementerian Sumber Manusia. Ini seterusnya menjadi pemacu budaya kerja yang cemerlang dalam kalangan warga Kementerian dalam usaha mencapai satu objektif yang sama.

Kementerian Sumber Manusia akan memastikan Pelan Strategik ini sentiasa progresif, responsif serta bersifat dinamik dalam merealisasikan visi Kementerian sebagai peneraju pembangunan dan pengurusan sumber manusia negara.

# LATAR BELAKANG KSM



1955 - 1962

MENTERI BURUH DILANTIK DENGAN HAL-HAL BERKAITAN KEBAJIKAN BURUH DIPINDAHKAN KE KEMENTERIAN KESIHATAN SEHINGGA 1962

1962 - 1964

KEBAJIKAN BURUH DILETAKKAN SEMULA DI BAWAH PORTFOLIO KEMENTERIAN BURUH DAN KEBAJIKAN MASYARAKAT

KEMENTERIAN BURUH DAN KEBAJIKAN MASYARAKAT BERTANGGUNG-JAWAB TERHADAP JABATAN BURUH SABAH DAN SARAWAK

1963



NAMA KEMENTERIAN DIUBAH NAMA KEPADA KEMENTERIAN BURUH DAN PERHUBUNGAN PERUSAHAAN

1964

1971

KEMENTERIAN BURUH DAN TENAGA RAKYAT DITUBUHKAN DENGAN 4 AGENSI:

- JABATAN KILANG DAN JENTERA
- JABATAN BURUH DAN PERHUBUNGAN PERUSAHAAN
- MAHKAMAH PERUSAHAAN
- PEJABAT PENDAFTARAN KESATUAN SEKERJA

1984

KEMENTERIAN BURUH DAN TENAGA RAKYAT DITUKAR NAMA KEPADA KEMENTERIAN BURUH



KEMENTERIAN BURUH DIKENALI SEBAGAI KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA SEHINGGA SEKARANG

1990






## VISI

### Peneraju Pembangunan dan Pengurusan Sumber Manusia Negara

## MISI

- 1 Membangunkan dan melahirkan modal insan yang kompeten, produktif, responsif dan berdaya tahan dalam pasaran buruh negara ke arah meningkatkan produktiviti negara.
- 2 Memastikan kelancaran operasi pasaran buruh negara.
- 3 Meningkatkan kebolehpekerjaan dan penggajian tenaga kerja tempatan bagi memenuhi keperluan pasaran kerja negara.
- 4 Memastikan perhubungan perusahaan yang harmoni dan kondusif.
- 5 Mengutamakan aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan.
- 6 Memastikan jaringan keselamatan sosial yang komprehensif, dinamik dan progresif.



# CARTA ORGANISASI

## Kementerian Sumber Manusia



**MENTERI**  
DATO' SRI  
RICHARD RIOT  
ANAK JAEM



**TIMBALAN  
MENTERI**  
DATO' SRI HAJI  
ISMAIL BIN HAJI  
ABD. MUTTALIB



**KETUA  
SETIAUSAHA**  
TURUS III  
DATO' SRI ADENAN  
BIN AB. RAHMAN

### DASAR DAN ANTARABANGSA

**TIMBALAN KETUA  
SETIAUSAHA**  
GRED UTAMA B

DATO' MOHD SAHAR  
BIN DARUSMAN

**SETIAUSAHA  
BAHAGIAN  
DASAR**  
GRED UTAMA C

PUAN BETTY BINTI  
HASAN

**SETIAUSAHA  
BAHAGIAN  
ANTARABANGSA**  
GRED M54

DR. TAN AWANG  
BESAR

**SETIAUSAHA  
SEKRETARIAT  
MAJLIS  
PERUNDINGAN  
GAJI NEGARA**  
GRED S54

ENCIK SHANMUGAM  
A/L THIAGARAJAN

**PENGARAH  
INSTITUT  
MAKLUMAT  
DAN ANALISIS  
PASARAN BURUH**  
GRED UTAMA C

ENCIK ASRI BIN  
AB. RAHMAN

**TIMBALAN  
SETIAUSAHA  
BAHAGIAN**  
(Cawangan Dasar  
Sumber Manusia)  
GRED M54

PUAN NOR HASNAH  
BINTI BADRODDIN

**ATASE GENEVA**  
GRED M52/S52

**ATASE JAKARTA**  
GRED M48/S48

**ATASE  
SINGAPURA**  
GRED M48/S48

**ATASE CHENNAI**  
GRED M48/S48

**TIMBALAN  
SETIAUSAHA  
BAHAGIAN**  
(Cawangan Dasar  
Perburuhan)  
GRED M54/S54

**PENASIHAT  
UNDANG-UNDANG**  
GRED L54

ENCIK MOHD  
NAWAWI BIN ISMAIL

**KETUA UNIT  
AUDIT DALAM**  
GRED W54

PUAN NOOR RITA  
BINTI KASSIM

**KETUA  
KOMUNIKASI  
KORPORAT**  
GRED S54

ENCIK IZZAD ZALMAN  
BIN ABDUL KADIR

**KETUA  
UNIT KPI**  
GRED M52

DR. CHRISTINA  
YEO KEN YIN

**KETUA UNIT  
INTEGRITI**  
GRED M48

ENCIK WAN FAEZ BIN  
WAN JAFFAR

### JABATAN

**JABATAN  
TENAGA KERJA  
SEMENANJUNG  
MALAYSIA**  
GRED UTAMA B

DATO' MOHD  
JEFFREY BIN JOAKIM

**JABATAN  
KESELAMATAN  
DAN KESIHATAN  
PEKERJAAN**  
GRED UTAMA B


DATO' IR. MOHTAR  
BIN MUSRI

**MAHKAMAH  
PERUSAHAAN  
MALAYSIA**  
YANG DI-PERTUA  
GRED UTAMA B

Y.A. TUAN ISHAK BIN  
MOHD. YUSOFF

**JABATAN TENAGA  
MANUSIA**  
GRED UTAMA B

DR. MARY  
WONG LAI LIN



# NILAI BERSAMA

## 6 Nilai-Nilai Bersama


### KEHARMONIAN

Mengekalkan perhubungan perusahaan yang harmoni dan kondusif di antara majikan, pekerja dan kesatuan sekerja demi pembangunan negara dan kesejahteraan rakyat.



### TRIPARTISME

Memupuk jalinan kerjasama erat dalam menggubal dan melaksanakan pelbagai dasar, undang-undang dan peraturan untuk kepentingan bersama.



### PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT

Mengutamakan pembelajaran yang berterusan melalui latihan dan peningkatan kemahiran demi menjamin kebolehkeraan tenaga kerja yang kompeten dan berdaya saing.



### PENYAYANG

Menyediakan jaringan keselamatan sosial bagi menjamin kesejahteraan pekerja, keluarga, masyarakat dan negara.



### KESEJAHTERAAN DAN KESELAMATAN

Memastikan tempat kerja yang selamat dan sihat untuk menyediakan persekitaran pekerjaan yang kondusif dan produktif.



### KEADILAN DAN KESAKSAMAAN

Menghayati dan mengamalkan prinsip-prinsip keadilan dan kesaksamaan dalam mendokong keadilan sosial demi kesejahteraan bersama.



## 25 Undang-Undang yang Ditadbir & Dikuatkuasakan



### 13

#### AKTA-AKTA PEKERJAAN DAN STANDARD-STANDARD PERBURUHAN

- Akta Hari Kelepasan Mingguan 1950 (Akta 220)
- Akta Hari Kelepasan 1951 (Akta 369)
- Akta Maklumat Pekerjaan 1953 (Akta 159)
- Akta Kerja 1955 (Akta 265)
- Ordinan Buruh (Sarawak Bab 76) 1952
- Ordinan Buruh (Sabah Bab 67) 2005
- Akta Kanak-Kanak dan Orang Muda (Pekerjaan) 1966 (Akta 350)
- Akta (Sekatan) Kerja 1968 (Akta 353)
- *Holidays Ordinance* (Sabah Cap. 56) (Reprint 1973)
- *Public Holidays Ordinance* (Sarawak Cap. 8) (Reprint 1974)
- Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981 (Akta 246)
- Akta Standard-Standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja 1990 (Akta 446)
- Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 (Akta 670)

### 2

#### PERHUBUNGAN PERUSAHAAN

- Akta Kesatuan Sekerja 1959 (Akta 262)
- Akta Perhubungan Perusahaan 1967 (Akta 177)

### 3

#### KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN

- Akta Kilang dan Jentera 1967 (Akta 139)
- Akta Petroleum (Langkah-Langkah Keselamatan) 1984 (Akta 302)
- Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (Akta 514)

### 3

#### PEMBANGUNAN KEMAHIRAN


- Akta Pembangunan Sumber Manusia Berhad 2001 (Akta 612)
- Akta Tabung Pembangunan Kemahiran 2004 (Akta 640)
- Akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan 2006 (Akta 652)

### 4


#### KESELAMATAN SOSIAL

- Akta Pampasan Pekerja 1952 (Akta 273)
- Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 (Akta 4)
- Akta Majlis Perundingan Gaji Negara 2011 (Akta 732)
- Akta Umur Persaraan Minimum 2012 (Akta 753)

# PERANAN KSM



## Peneraju Pembangunan dan Pengurusan Sumber Manusia Negara



Visi Kementerian Sumber Manusia adalah sebagai **Peneraju Pembangunan dan Pengurusan Sumber Manusia Negara**.

Dalam mencapai visi ini, Kementerian Sumber Manusia melaksanakan 3 peranan utama iaitu **Kajian Analisis Buruh, Pembangunan dan Pengurusan Modal Insan serta Penguatkuasaan**.

Pelaksanaan peranan Kementerian Sumber Manusia ini turut disokong dan diperkasakan melalui **tadbir urus, khidmat sokongan dan kerjasama strategik yang mantap**.

**1**  
**KAJIAN  
ANALISIS  
BURUH**

Kajian analisis data dan statistik perburuhan dilaksanakan bagi mengenal pasti hala tuju dan cabaran pasaran buruh serta isu modal insan yang berbangkit. Analisis yang jelas akan menyumbang kepada perancangan dan pembentukan dasar perburuhan dan pembangunan sumber manusia yang lebih baik dan berkesan.

**2**  
**PEMBANGUNAN  
DAN PENGURUSAN  
MODAL INSAN**


Peranan Kementerian Sumber Manusia dalam pembangunan dan pengurusan modal insan merangkumi aspek pembangunan kapasiti dan kemahiran, penempatan pekerjaan, pewujudan persekitaran industri yang harmoni, keselamatan dan kesihatan pekerjaan serta jaringan keselamatan sosial.

**3**  
**PENGUATKUASAAN**

Pelaksanaan dan penguatkuasaan 25 Akta di bawah bidang kuasa Kementerian Sumber Manusia merupakan satu tanggungjawab yang besar. Pemeriksaan berkanun perlu dilaksanakan secara berkala dari semasa ke semasa, di samping pemeriksaan mengejut berdasarkan makluman atau aduan awam. Operasi bersepadu bersama jabatan dan agensi lain juga dibuat mengikut keperluan. Pasukan penguatkuasaan khas turut diwujudkan bagi memantapkan lagi peranan Kementerian Sumber Manusia.

**4**  
**TADBIR URUS,  
KHIDMAT SOKONGAN  
DAN KERJASAMA  
STRATEGIK**

Penyampaian perkhidmatan yang berkesan harus didokong oleh tadbir urus dan khidmat sokongan yang mantap dan berintegriti di semua peringkat. Program dan latihan pembangunan kapasiti serta penerapan nilai-nilai murni turut dilaksanakan bagi memperkasakan sumber manusia dari aspek kekompetenan dan daya tahan, di samping kerjasama strategik di peringkat domestik dan antarabangsa.



# PIHAK BERKEPENTINGAN & PELANGGAN

Anggota  
Pentadbiran &  
Ketua Setiausaha  
Negara



Pertubuhan  
Antarabangsa



Persatuan  
Majikan



Kesatuan  
Sekerja



Rakan  
Sosial



## PIHAK BERKEPENTINGAN



## PELANGGAN



Majikan



Pekerja



Pencari Kerja



Golongan  
Rentan



Pelatih  
Kemahiran



Penyedia  
Latihan  
Kemahiran





# LAKARAN KECEMERLANGAN

## LATIHAN KEMAHIRAN

Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK)	Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK)	Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB)	Jabatan Tenaga Manusia (JTM)								
<p>JPK merupakan peneraju pembangunan, pertauliahan dan pengesahan kurikulum latihan kemahiran di Malaysia</p>	<p>PTPK merupakan agensi yang mengurus pembiayaan bantuan kewangan bagi pinjaman latihan kemahiran</p>	<p>PSMB merupakan peneraju penyediaan latihan kemahiran kepada pekerja tempatan di Malaysia</p>	<p>JTM melalui 32 Institusi Latihan Jabatan Tenaga Manusia (ILJTM) menyediakan program latihan kemahiran di Malaysia</p>								
<p>Pencapaian bagi tempoh <b>2011-2015</b></p>	<p>Pencapaian bagi tempoh <b>2011-2015</b></p>	<p>Pencapaian pada tahun <b>2015</b></p>	<p>Pencapaian bagi tempoh <b>2011-2015</b></p>								
<p>Bilangan Sijil dikeluarkan (SKM1 – DLKM5) <b>499,426</b></p> <p>Program yang ditauliah <b>6,045</b></p> <p>Pusat Bertauliah (Awam dan Swasta) <b>1,450</b></p>	<p>Bilangan Pelatih mendapat manfaat <b>137,714</b></p> <p>Jumlah Pembiayaan <b>RM1.99</b> bilion</p> <p>Kutipan Levi <b>RM603.00</b> juta</p> <p>Bantuan Kewangan (bagi latihan pekerja PKS) <b>RM539.77</b> juta</p> <p>Jumlah Geran <b>RM450.11</b> juta</p> <p>Bilangan Latihan <b>836,468</b></p> <p>Bilangan Pelatih <b>435,872</b></p> <p>Program Latihan</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Upskilling</li> <li>• Reskilling</li> <li>• Recognition of Prior Learning (RPEL)</li> </ul>	<p>Program Sepenuh Masa, <i>Double Shift</i> dan Kolej Vokasional</p> <p>Bilangan Graduan <b>32,824</b></p> <p>Telah Bekerja <b>65%</b></p> <p>Menyambung Pelajaran <b>26%</b></p> <p>Mencari Kerja <b>9%</b></p> <p>Program Kursus Jangka Pendek</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Modular</li> <li>• Customised</li> <li>• Professional</li> </ul> <p><b>12,159</b> kursus dilaksanakan melibatkan <b>250,695</b> orang pelatih</p>									
<table border="1"> <thead> <tr> <th>Program SLDN</th> <th>CIAST</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Perantis <b>47,825</b></td> <td>Pakar Pengajar <b>2,322</b></td> </tr> <tr> <td>Syarikat Terlibat <b>3,775</b></td> <td>Pakar Industri <b>2,093</b></td> </tr> <tr> <td>Pusat Latihan SLDN <b>1,269</b></td> <td></td> </tr> </tbody> </table>	Program SLDN	CIAST	Perantis <b>47,825</b>	Pakar Pengajar <b>2,322</b>	Syarikat Terlibat <b>3,775</b>	Pakar Industri <b>2,093</b>	Pusat Latihan SLDN <b>1,269</b>				
Program SLDN	CIAST										
Perantis <b>47,825</b>	Pakar Pengajar <b>2,322</b>										
Syarikat Terlibat <b>3,775</b>	Pakar Industri <b>2,093</b>										
Pusat Latihan SLDN <b>1,269</b>											

# LAKARAN KECEMERLANGAN

## ASEAN SKILLS COMPETITION (ASC) 2016

### MALAYSIA SEBAGAI JUARA KESELURUHAN ASC 2016

#### PENCAPAIAN ASC 2016

Bilangan Pingat dimenangi

22



EMAS

4



PERAK

5



GANGSA

**25** BIDANG KEMAHIRAN  
DIPERTANDINGKAN

PENGLIBATAN SEMUA  
NEGARA ASEAN

ACARA TERBESAR BAGI  
PERTANDINGAN KEMAHIRAN DI  
PERINGKAT ASEAN

## WORLD SKILLS COMPETITION (WSC), SAO PAOLO, 2015

#### PENCAPAIAN WSC 2015

1



GANGSA

12



MEDALLION OF  
EXCELLENCE



# LAKARAN KECEMERLANGAN

## JARINGAN KESELAMATAN SOSIAL

### PUSAT REHABILITASI PERKESO DI MELAKA



#### OBJEKTIF

Pusat rehabilitasi bertaraf antarabangsa yang dibangunkan untuk membantu Orang Berinsurans (OB) PERKESO ataupun pekerja untuk dipulihkan secara fizikal dan vokasional, dan akhirnya kembali ke alam pekerjaan.

#### PERKHIDMATAN

Peneraju utama kepada program pemulihan perubatan melalui perkhidmatan:

- rehabilitasi perubatan
- pemulihan anggota
- pemulihan cara kerja
- *audiologist*
- terapi pertuturan
- *dietitian*
- *clinical psychologist*
- optometri
- latihan vokasional (*upskilling* dan *reskilling*)

#### PENCAPAIAN

Pencapaian bagi tempoh Januari – Disember 2016

824



Orang Berinsurans (OB)  
dirawat dan dipulihkan

2,498



Kembali Bekerja

#### ANUGERAH



- *DFA Design for Asia Awards 2016, Hong Kong (Grand Award)*
- *Salutogenic Design Project for Rehabilitation Environment - Design and Health Academy 2015, Hong Kong (International Academy Awards Winner)*
- *Asean Social Security Association (ASSA) Recognition Awards 2015, Singapore (Transformation Recognition Award)*

# LAKARAN KECEMERLANGAN

## PERLUASAN DAN PINDAAN AKTA

### KAJIAN SEMULA PERINTAH GAJI MINIMUM

#### PERINTAH GAJI MINIMUM 2016 (BERKUAT KUASA MULAI 1 JULAI 2016)

PEMAKAIAN	KADAR (PEKERJA BERGAJI POKOK)				KADAR (PEKERJA TIADA GAJI POKOK) Pekerja yang dibayar secara <i>piece rate</i> , berat tan, perjalanan atau komisen perlu dibayar gaji bulanan tidak kurang <b>RM1,000 sebulan</b> (Semenanjung Malaysia) dan <b>RM920 sebulan</b> (Sabah, Sarawak dan WP Labuan)
	WILAYAH	BULANAN	JAM	HARIAN	
Tertakluk kepada semua pekerja swasta kecuali <b>pekhidmat domestik</b>	Sem. Malaysia	<b>RM1,000</b>	RM4.81	6 hari – RM38.46 5 hari – RM46.15 4 hari – RM57.69	
	Sabah, Sarawak dan WP Labuan	<b>RM920</b>	RM4.42	6 hari – RM35.38 5 hari – RM42.46 4 hari – RM53.08	

**KIRA-KIRA 1.7 JUTA PEKERJA MENDAPAT MANFAAT SEJAK DILAKSANAKAN**

## PANDUAN GAJI PERMULAAN

Buku Panduan Gaji Permulaan 160 Pekerjaan Terpilih Berasaskan Kemahiran, Edisi Pertama (2016), menggariskan kadar gaji pokok permulaan yang setimpal dengan kemahiran yang dimiliki oleh lulusan Sijil dan Diploma Kemahiran Malaysia.



### OBJEKTIF

- i. untuk memberikan nilai kepada kemahiran yang dimiliki oleh pencari kerja atau pekerja lulusan kemahiran;
- ii. sebagai **penanda aras** (benchmark) atau asas kepada rundingan bagi perjanjian kolektif dan kontrak perkhidmatan; dan
- iii. menjadi rujukan dan panduan kepada semua pihak.

### INTIPATI PANDUAN GAJI

- dibangunkan khusus untuk lepasan Sijil dan Diploma Kemahiran Malaysia atau yang setaraf dengannya;
- menyenaraikan 160 pekerjaan kemahiran yang mempunyai permintaan tinggi di pasaran buruh;
- turut menyenaraikan pekerjaan yang dipersijilkan oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan; dan
- kadar gaji pokok permulaan adalah berdasarkan kadar gaji minimum semasa tanpa mengambil kira elaun, imbuhan dan faktor lain.

### KUMPULAN SASAR

- Graduan TVET
- Pencari Kerja
- Majikan
- Pelajar
- Kaunselor Kerjaya
- Pengajar
- Agensi Kerajaan
- Kesatuan Sekerja
- Penyedia Latihan
- Ibu bapa

# LAKARAN KECEMERLANGAN

## RATIFIKASI KONVENSYEN C131

- Malaysia telah meratifikasi *International Labour Organization (ILO) Convention No. 131: Minimum Wage Fixing Convention 1970 (C131)* pada 7 Jun 2016 di ILO Geneva, Switzerland.
- Kuat kuasa ratifikasi C131 adalah pada 7 Jun 2017.
- C131 merupakan suatu dokumen komprehensif yang menggariskan kaedah penetapan gaji minimum dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

## IMPLIKASI RATIFIKASI C131

- meningkatkan standard perburuhan dalam negara selaras dengan standard antarabangsa;
- menambah baik dasar perburuhan negara secara berterusan terutamanya berhubung dasar gaji minimum;
- menonjolkan imej Malaysia di persada antarabangsa sebagai sebuah negara yang berjaya melaksanakan gaji minimum;
- mewujudkan persekitaran sosial dan pasaran buruh yang stabil bagi menarik pelabur asing;
- menjadi tanda aras (*benchmark*) di kalangan negara ASEAN kerana belum ada lagi negara ASEAN yang meratifikasi C131 setakat ini;
- pemantauan oleh pihak ILO selepas ratifikasi akan dapat menambah baik pelaksanaan gaji minimum dengan lebih mantap bagi memberikan perlindungan yang lebih komprehensif dan berkesan kepada pekerja; dan
- ratifikasi ini adalah selaras dengan usaha kerajaan menjadi negara maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020 terutama dari aspek menambah baik perlindungan berhubung gaji minimum kepada pekerja.



# LAKARAN KECEMERLANGAN

## PERLUASAN AKTA PSMB 2001

### RANCANGAN MALAYSIA KESEBELAS 2016-2020 PERTUMBUHAN BERPAKSIKAN RAKYAT



#### STRATEGI:

Menambah baik peraturan dan bantuan pembiayaan untuk meluaskan akses kepada program latihan.

#### PELAN TINDAKAN:

Memperluaskan liputan Akta Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) 2001.

#### PINDAAN

- Mewajibkan majikan di bawah 63 subsektor sedia ada yang mempunyai jumlah minimum pekerja sebanyak 10 orang untuk berdaftar dengan PSMB.
- Pendaftaran secara sukarela bagi majikan di bawah 63 subsektor sedia ada yang mempunyai jumlah minimum pekerja sebanyak 5 orang tetapi kurang daripada 10 orang.

#### OUTCOME

- Peningkatan dalam jumlah pekerja sektor swasta yang layak mendapat akses kepada program latihan dan pembangunan daripada 1.75 juta orang pekerja pada tahun 2015 kepada 2.21 juta orang pekerja pada tahun 2017 iaitu peningkatan sebanyak 26.3%.
- Membolehkan lebih banyak majikan berdaftar secara sukarela.



# LAKARAN KECEMERLANGAN

## PENEMPATAN PEKERJAAN

### JOBSMALAYSIA 2.0

Gerbang kerjaya interaktif dan sebagai hub pekerjaan utama negara

Statistik Penempatan Pekerjaan bagi tahun 2016

**305,408**

Pencari Kerja

**302,914**

Kekosongan Jawatan

**191,157**

Penempatan Pekerjaan

### KARNIVAL KERJAYA


**47,140** orang telah mendapat pekerjaan dari **83** Program **Karnival Kerjaya** oleh *JobsMalaysia* sepanjang tahun 2016





# LAKARAN KECEMERLANGAN

## KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN



Pemeriksaan dan Audit di Tempat Kerja (2015): **35,382**  
 Pemeriksaan Jentera (2015): **217,685**  
 Surat Arahan dan Notis (2015): **63,635**  
 Kompaun dan Pendakwaan (2015): **1,266**



# PENGLIBATAN KSM

## *Di Arena Antarabangsa & Dalam Negara*

### PERINGKAT ANTARABANGSA

- *Asia Pacific Economic Cooperation (APEC)*
- *Association of Southeast Asian Nations (ASEAN)*
- *ASEAN Occupational Safety and Health Network (OSHNET)*
- *Regional Comprehensive Economic Partnership (RCEP)*
- *Senior Labour Officials Meeting (SLOM)*
- *GIZ – RECOTVET Dialogue on TVET*
- *Indonesia-Malaysia-Thailand Growth Triangle Meeting (IMT-GT)*
- *Brunei-Indonesia-Malaysia-Philippine East ASEAN Growth Area (BIMP-EAGA)*
- *International Labour Organisation (ILO)*
- *International Labour Conference (ILC)*
- *Trans-Pacific Partnership Agreement (TPPA)*
- *Malaysia-European Union Free Trade Agreement (MEUFTA)*
- *Malaysia-European Economy Partnership Agreement (MEEPA)*
- *Malaysia-Australia Free Trade Agreement (MAFTA)*
- *World Congress on Safety Health at Work*
- *World Skills Competition*
- *ASEAN Skills Competition*
- *Minimum Wage Fixing Convention, 1970 (C131)*
- *International Social Security Association (ISSA)*
- *Mesyuarat Joint Working Group di antara Kerajaan Malaysia dan negara sumber yang mempunyai Memorandum Persefahaman*
- *Convention on Elimination of Discrimination Against Women (CEDAW)*
- *Convention on the Rights of Persons with Disabilities (CRPD)*
- *Convention on the Rights of the Child (CRC)*

### PERINGKAT TERTINGGI (DALAM NEGARA)

- *Mesyuarat Jemaah Menteri Kabinet (Mingguan)*
- *Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pekerja Asing dan Pendatang Asing Tanpa Izin (JKKPA-PATI)*
- *Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Berkenaan Daya Saing dalam Pekerjaan Kebangsaan*
- *Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan Modal Insan*
- *Mesyuarat Majlis Penasihat Kebangsaan (Pendidikan dan Latihan)*
- *Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Tindakan Negara (JKTN)*
- *Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Mengenai Cara-Cara bagi Meningkatkan Pendapatan Pekebun Kecil Komoditi Industri (JKMPPK)*
- *Mesyuarat Jawatankuasa Khas Sektor Perkhidmatan*
- *Mesyuarat NBOS Summit*
- *Mesyuarat National SME Development Council (NSDC)*

## PERINGKAT KEBANGSAAN

- Mesyuarat Majlis Ekonomi
- Mesyuarat Jawatankuasa Peringkat Tertinggi mengenai Keperluan Tenaga Kerja Asing
- Mesyuarat *Task Force Ramping Up the ECCE Industry*
- Mesyuarat Majlis Pembangunan Kemahiran Kebangsaan
- Mesyuarat Jawatankuasa Kerja berkenaan Isu Caj Perkhidmatan
- Mesyuarat Pasukan Petugas Isu-isu Wilayah Persekutuan

## PERINGKAT KEMENTERIAN

- Mesyuarat Pasca Kabinet
- Mesyuarat Pengurusan Tertinggi
- Mesyuarat Penyelarasan Dasar KSM
- Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan (JKPAK)
- Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun (JPKA)
- Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Inovasi
- Mesyuarat Keselamatan dan Kesihatan Korporat
- Mesyuarat Keselamatan dan Perlindungan
- Mesyuarat Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Peringkat KSM
- Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan
- Mesyuarat PEMUDAH *Focus Group on Labour Market*
- Mesyuarat Jawatankuasa Kluster 2 *Global Competitiveness Report*
- Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan
- Mesyuarat Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus (JITU)

# AGENDA TRANSFORMASI NASIONAL



Agenda Transformasi Nasional telah diperkenalkan oleh YAB Perdana Menteri pada bulan April tahun 2009 bagi memastikan Wawasan 2020 mencapai matlamatnya melalui teras Program Transformasi Kerajaan dan Program Transformasi Ekonomi

Kementerian Sumber Manusia memainkan peranan penting dalam merealisasikan 4 bidang fokus utama dalam RMKe-11 seperti berikut:

1. Menambah baik **kecekapan pasaran buruh** bagi meningkatkan pertumbuhan ekonomi.
2. **Mentransformasi TVET** untuk memenuhi permintaan industri.
3. Menambah baik **kualiti pendidikan** untuk meningkatkan *outcome* pelajar dan kecemerlangan institusi.
4. **Memperkuh pembelajaran sepanjang hayat** untuk peningkatan kemahiran.



MISI NASIONAL



WAWASAN 2020



TN50



Sukacitanya saya mengumumkan, sebaik sahaja bajet ini selesai, pihak Kerajaan akan melancarkan siri **Dialog Nasional** atau *National Discourse* bagi memeta hala tuju negara di atas sebuah kanvas yang baharu. Kalau lembayung Gagasan Negara yang saya perkenalkan sejak 2010 adalah Dasar Transformasi Nasional atau DTN, maka **Wacana Nasional** ini pula saya namakan sebagai, **Transformasi Nasional 2050** dan sesudah ini dijenamakan sebagai **TN50**



YAB DATO' SRI MOHD NAJIB BIN TUN ABDUL RAZAK  
PERDANA MENTERI MALAYSIA



Kerajaan melalui Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) 2016-2020, menggariskan rancangan pembangunan 5 tahun terakhir ke arah merealisasikan matlamat Wawasan 2020. Wawasan 2020 yang dilancarkan pada tahun 1991 menggariskan aspirasi Malaysia untuk menjadi negara maju dalam semua aspek iaitu ekonomi, politik, sosial, kerohanian, psikologi dan budaya menjelang tahun 2020. Susulan daripada pencapaian pembangunan yang cemerlang dalam tempoh separuh dekad yang lalu, RMKe-11 mengukuhkan lagi komitmen Kerajaan untuk mencapai pertumbuhan bermatlamatkan kemakmuran dan kesejahteraan rakyat. RMKe-11 berteraskan prinsip “Bangsa Malaysia” yang progresif dan bersatu serta berkongsi cita-cita dan komitmen yang sama dalam meningkatkan lagi kemakmuran negara untuk rakyat.

Kesinambungan kepada Wawasan 2020 serta Dasar Transformasi Nasional diteruskan melalui kenyataan YAB Perdana Menteri dalam Ucapan Bajet 2017 yang telah mengumumkan suatu wacana nasional yang baharu dikenali sebagai Transformasi Nasional 2050 yang dijenamakan sebagai TN50. Kementerian Belia dan Sukan telah dipertanggungjawabkan bagi menerajui inisiatif libat urus bersama kumpulan sasaran yang terdiri daripada golongan belia. Wacana TN50 merupakan perancangan bagi tempoh 30 tahun mulai tahun 2021, yang meliputi antara lain aspek pendidikan, ekonomi, sosial dan politik.

Selaras dengan Agenda Transformasi Nasional dan Transformasi Nasional 2050, Kementerian Sumber Manusia perlu bersedia dan progresif bagi memastikan matlamat dan aspirasi Kerajaan dapat direalisasikan. Melalui Pelan Strategik Kementerian Sumber Manusia 2016-2020, Kementerian komited dalam melaksanakan dasar Kerajaan terutama dalam pembangunan dan pengurusan sumber manusia negara.

# ANALISIS PERSEKITARAN & ISU STRATEGIK

Analisis persekitaran adalah suatu pendekatan yang signifikan dalam penyediaan Pelan Strategik Kementerian Sumber Manusia 2016-2020 bagi mengenal pasti cabaran-cabaran dalam merealisasikan visi Kementerian Sumber Manusia. Cabaran-cabaran utama yang dikenal pasti merangkumi aspek **ekonomi, sosial, manusia, teknologi, persaingan dan pematuhan**.



Pelan Strategik ini telah mengambil kira cabaran-cabaran di atas untuk terus kekal relevan dan Kementerian Sumber Manusia akan sentiasa bersifat progresif, responsif dan dinamik dalam menangani isu-isu ini melalui Pelan Strategik yang telah dirancang dan dilaksanakan.

## Kementerian Sumber Manusia 2016-2020

Pelan Strategik Kementerian Sumber Manusia 2016-2020 merupakan satu agenda penting kepada Kementerian Sumber Manusia, pihak berkepentingan dan pelanggan. Pelan Strategik merumuskan hala tuju dan strategi jabatan dan agensi dalam memacu pembangunan dan pengurusan sumber manusia negara ke arah mencapai aspirasi sebagai sebuah negara berpendapatan tinggi yang terangkum dan mampan. Pelan Strategik ini dirangka berdasarkan 6 teras strategik yang merupakan perkhidmatan teras (*core business*) kementerian.





# TERAS 1

---

**MENINGKATKAN  
PEMBANGUNAN MODAL INSAN  
YANG RELEVAN, KOMPETEN  
DAN BERDAYA SAING UNTUK  
MEMENUHI KEPERLUAN  
EKONOMI NEGARA**





## TERAS 1

Meningkatkan Pembangunan Modal Insan yang Relevan, Kompeten dan Berdaya Saing untuk Memenuhi Keperluan Ekonomi Negara

Pembangunan modal insan merupakan antara elemen terpenting dalam menangani cabaran pasaran buruh dan merebut peluang pertumbuhan ekonomi global susulan Revolusi Perindustrian Keempat (*the Fourth Industrial Revolution*). Revolusi Perindustrian Keempat dijangka memberi kesan yang sangat signifikan kepada pasaran buruh dan pekerjaan seperti pewujudan dan penghapusan pekerjaan (*job displacement*), peningkatan produktiviti buruh dan jurang kemahiran yang semakin meluas. Oleh itu, modal insan negara perlu mempunyai kemahiran yang relevan dan sentiasa memenuhi keperluan pasaran dan ekonomi negara yang dinamik

## STRATEGI



- 1 Memantapkan perancangan dan pelaksanaan pembangunan guna tenaga negara secara bersepadu (melibatkan Kementerian/ Agensi lain) mengikut keperluan ekonomi bagi mengekalkan guna tenaga penuh
- 2 Memperkukuh program pembangunan kapasiti bagi meningkatkan produktiviti buruh negara
- 3 Mengupayakan TVET yang diterajui industri
- 4 Memperkukuh kompetensi sumber manusia untuk menjadi lebih dinamik dan responsif dengan perubahan persekitaran
- 5 Memperluas akses pembelajaran sepanjang hayat bagi mencapai guna tenaga yang lestari (*sustainable workforce*)
- 6 Memantapkan penganalisan mengenai pasaran buruh berdasarkan permintaan sektor utama ekonomi untuk dipadankan dengan penawaran tenaga manusia

**S1**

MEMANTAPKAN PERANCANGAN DAN PELAKSANAAN PEMBANGUNAN GUNA TENAGA NEGARA SECARA BERSEPADU (MELIBATKAN KEMENTERIAN/ AGENSI LAIN) MENGIKUT KEPERLUAN EKONOMI BAGI MENGEKALKAN GUNA TENAGA PENUH

INISIATIF	INDIKATOR	SASARAN	TAHUN PELAKSANAAN	AGENSI PELAKSANA
1. Pindaan Akta Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran 2004 (Akta 640)	Kuantiti	1 Akta	2017-2018	PTPK Bahagian Dasar (DSM)

# STRATEGI & PELAN TINDAKAN 2016-2020



**S1** MEMANTAPKAN PERANCANGAN DAN PELAKSANAAN PEMBANGUNAN GUNA TENAGA NEGARA SECARA BERSEPADU (MELIBATKAN KEMENTERIAN/ AGENSI LAIN) MENGIKUT KEPERLUAN EKONOMI BAGI MENGEKALKAN GUNA TENAGA PENUH

INISIATIF	INDIKATOR	SASARAN	TAHUN PELAKSANAAN	AGENSI PELAKSANA
2. Dasar Tenaga Kerja dan Pekerjaan Negara	Kuantiti	1 Pelan Induk	2017–2018	Unit KPI
3. Kajian Pembentukan Pelan Pembangunan Strategik Kebangsaan untuk Penggajian dan Guna Tenaga Warga Emas Malaysia dalam Pasaran Buruh	Kuantiti	1 Kajian	2018	Bahagian Dasar (DSM) ILMIA
4. Dana Pinjaman TVET (RM200 juta peruntukan pembangunan setahun)	Bilangan pelatih yang mendapat dana pinjaman	66,500 pelatih (3,300 pelatih setahun)	2016–2020	PTPK



**S2**

## MEMPERKUKUH PROGRAM PEMBANGUNAN KAPASITI BAGI MENINGKATKAN PRODUKTIVITI BURUH NEGARA

INISIATIF	INDIKATOR	SASARAN	TAHUN PELAKSANAAN	AGENSI PELAKSANA
1. Kursus jangka panjang bagi program latihan	Mengoptimumkan bilangan enrolmen pelajar	117,000 pelajar (23,400 pelajar setahun)	2016–2020	JTM
2. Kursus jangka pendek bagi program latihan	Pertambahan bilangan peserta dalam Kursus <i>Modular</i> dan <i>Customised</i>	180,000 peserta (36,000 peserta setahun)	2016–2020	JTM
3. Meningkatkan persijilan program latihan	Kerjasama artikulasi dengan Universiti Awam (UA)	10 program	2016–2020	JTM
4. Memperkenalkan <i>Industry Based Certification Programme</i> (INBASE)	Bilangan pelatih	10,000 pelatih	2017	PSMB
5. Mempertingkatkan pertumbuhan aktiviti latihan dalam kalangan majikan berdaftar dengan PSMB	Bilangan pelatih	4% pertumbuhan (930,000 tempat latihan)	2017	PSMB
6. Pembiayaan Golongan pekerja dan <i>future workers</i> (RM50 juta peruntukan pembangunan setahun)	Bilangan pelatih	16,500 pelatih (3,300 pelatih setahun)	2016–2020	PTPK



## S3 MENGUPAYAKAN TVET YANG DITERAJUI INDUSTRI

INISIATIF	INDIKATOR	SASARAN	TAHUN PELAKSANAAN	AGENSI PELAKSANA
1. Hubungan kerjasama dengan industri	i. Latihan industri pelajar	i. 100% penempatan pelajar di industri	2016–2020	JTM
	ii. Lawatan industri	ii. 75 lawatan/ ILJTM (15 lawatan setahun)		
	iii. Kursus jangka pendek untuk industri (persijilan profesional)	iii. 45 program/ JTM		
	iv. Penempatan industri bagi pensyarah	iv. Minimum 10 pensyarah/ ILJTM		
2. Aktiviti <i>Training Cum Production</i> (TCP)	Bilangan aktiviti <i>Training Cum Production</i> (TCP)	160 projek (32 projek setahun)	2016–2020	JTM
3. Kerjasama dengan industri (MOU, Nota Kerjasama dan <i>Smart Partnership</i> )	Bilangan kerjasama dengan industri	10 industri/ ILJTM	2016–2020	JTM
4. Pertemuan dengan pihak industri	i. Hari Terbuka/ Pesta Kerjaya	5 program	2016–2020	JTM
	ii. Perjumpaan antara pihak pengurusan atasan dengan industri	5 program		



**S3**

## MENGUPAYAKAN TVET YANG DITERAJUI INDUSTRI

INISIATIF	INDIKATOR	SASARAN	TAHUN PELAKSANAAN	AGENSI PELAKSANA
5. Jalinan pensyarah dengan industri	i. Aktiviti <i>technology update</i> ii. Lawatan penanda aras ke industri	i. 5 aktiviti/ wilayah ii. 10 lawatan/ ILJTM	2016–2020	JTM
6. Profil industri di pusat sumber	Profil industri melalui pangkalan data	100% syarikat berdaftar dengan LI/ ILJTM	2016–2020	JTM
7. Mempergiatkan pelaksanaan <i>Recognition Prior Experiential Learning</i> (RPEL)	Bilangan pelatih	4000 pelatih	2017	PSMB
8. Memperkukuh tadbir urus tunggal TVET				
i. Penambahan sektor baharu TVET dalam MQF	i. Sektor baharu TVET dalam MQF	i. Sektor baharu TVET ditambah dalam MQF	2017–2019	JPK
ii. Kolaborasi bersepadu antara JPK dan MQA	ii. Kolaborasi bersepadu JPK dan MQA	ii. Kolaborasi JPK dan MQA dalam Tadbir Urus TVET	2017–2019	
iii. JPK dan MQA mengguna pakai Sistem Akreditasi Tunggal TVET	iii. Sistem Akreditasi Tunggal TVET diguna pakai oleh JPK dan MQA	iii. Sistem Akreditasi Tunggal TVET diguna pakai oleh JPK dan MQA	2017–2019	
	iv. Pelaksanaan Sistem Akreditasi Tunggal TVET oleh penyedia latihan TVET	iv. Pelaksanaan Sistem Akreditasi Tunggal TVET oleh penyedia latihan TVET	2020	



## S3 MENGUPAYAKAN TVET YANG DITERAJUI INDUSTRI

INISIATIF	INDIKATOR	SASARAN	TAHUN PELAKSANAAN	AGENSI PELAKSANA
<p>9. Mengharmonikan Sistem Penarafan Institusi TVET bagi memperbaiki kebolehbandingan</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Sistem Penarafan Bersepadu untuk semua penyedia latihan TVET awam</li> </ul>	i. Penarafan bintang pusat bertauliah	i. 800 pusat bertauliah	2017	JPK
	ii. Sistem penarafan tunggal akan dibangunkan	ii. Sistem penarafan tunggal akan dibangunkan	2017–2019	
	iii. Penarafan bintang akan dilaksanakan	iii. Penarafan bintang dilaksanakan	2017 dan 2019	
